



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 80.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Pihak Berkuasa Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Pihak Berkuasa bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85]. Ahli Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan, Ahli Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara

individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Pihak Berkuasa;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Pihak Berkuasa dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Pihak Berkuasa telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Ahli Pihak Berkuasa bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 9 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:
 - i. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan mempunyai struktur kumpulan yang kompleks yang terdiri daripada 12 divisyen dan 13 syarikat subsidiari bagi melaksanakan fungsinya. Struktur kumpulan secara (*decentralised*) hanya membuat penggabungan (*amalgamation*) sekali setahun, pada hujung tahun bagi 12 penyata kewangan divisyen dan penyatuan 13 penyata kewangan subsidiari dan bukan secara bulanan. Proses ini menyebabkan rekod kewangan antara Pihak Berkuasa dengan divisyen dan syarikat subsidiari tidak dapat disesuaikan (*reconciled*) dengan lengkap dan terdedah kepada kesilapan secara berterusan.

- ii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah perlu segera memuktamadkan fungsi sistem perakaunan baru dan sistem lain yang belum berintegrasi untuk menjana penyata kewangan secara elektronik. Sistem perakaunan tersebut juga hendaklah selaras dengan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) bagi mengurangkan pelarasan secara manual.
- b. Sijil ini dibuat untuk Ahli Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
22 APRIL 2022





Deloitte PLT (LLP0010145-LCA)
Chartered Accountants (AF0080)
Level 16, Menara LGB
1 Jalan Wan Kadir
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

P.O. Box 10093
50704 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: +60 3 7610 8888
Fax: +60 3 7726 8986
myaaa@deloitte.com
www.deloitte.com/my

**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA KETUA AUDIT NEGARA**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (“RISDA”)**, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan RISDA pada 31 Disember 2020 dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan RISDA bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar perakaunan yang penting dan lain-lain maklumat huraian, seperti yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 80.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan RISDA pada 31 Disember 2020, dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah Tahun 1972 (“Akta 85”).

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah diperincikan di dalam laporan kami pada seksyen *Tanggungjawab Juruaudit dalam Pengauditan Penyata Kewangan*. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

(Bersambung)

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami bebas daripada Kumpulan dan RISDA berdasarkan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Tindakan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Undang Kecil”) dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Untuk Akauntan (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli Pihak Berkuasa ke atas Penyata Kewangan

Ahli Pihak Berkuasa RISDA adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan ini bagi membolehkan ianya memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah Tahun 1972. Ahli Pihak Berkuasa RISDA juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan.

Di dalam proses penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan RISDA, Ahli Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan usaha berterusan Kumpulan dan RISDA, membuat pendedahan, jika perlu, perkara-perkara berkenaan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Ahli Pihak Berkuasa berniat untuk membubarkan Kumpulan atau RISDA atau untuk menutup operasi, atau tiada alternatif realistik selain dari berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit dalam Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan Kumpulan dan RISDA ini, secara keseluruhan, adalah bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan, dan menyediakan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah bererti keyakinan yang tinggi, tetapi ianya tidak memberi jaminan bahawa pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian ISA akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara yang ada. Salah nyata boleh berlaku disebabkan oleh penipuan dan kesalahan dan dikira ketara jika, secara individu atau secara agregat, ianya memungkinkan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

(Bersambung)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian ISA, kami mengamalkan pertimbangan secara professional dan mengekalkan keraguan professional di sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga:

- Menenalpasti dan menilai risiko-risiko salah nyata ketara pada penyata kewangan Kumpulan dan RISDA, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan, merangka dan melaksanakan prosedur audit sebagai tindak-balas terhadap risiko-risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian sebagai asas pendapat audit kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesalahan, sebagaimana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, penipuan secara sengaja, perwakilan yang salah atau melebihi kuasa kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman terhadap kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan RISDA.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli Pihak Berkuasa.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang diguna pakai oleh Ahli Pihak Berkuasa dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang memungkinkan keraguan yang ketara tentang kemampuan Kumpulan dan RISDA sebagai entiti usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian yang nyata telah wujud, kami perlu merujuk di dalam laporan juruaudit kepada pendedahan-pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan RISDA atau, jika pendedahan-pendedahan itu tidak memadai, kami akan mengubah-suai pendapat kami. Pendapat kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimanapun, kejadian-kejadian atau keadaan-keadaan yang berlaku pada masa hadapan memungkinkan Kumpulan atau RISDA untuk tidak lagi menjadi entiti usaha berterusan.
- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan RISDA, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan RISDA melaporkan asas-asas transaksi-transaksi dan peristiwa-peristiwa agar ianya memberi pembentangan yang saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti perniagaan entiti atau dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab bagi arahan, penyeliaan dan pelaksanaan audit Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya bagi pendapat audit kami.

(Bersambung)

Kami berkomunikasi dengan Ahli Pihak Berkuasa, diantaranya, skop yang telah dirancang dan tempoh audit dan penemuan audit yang ketara, termasuk sebarang kelemahan ketara dalam kawalan dalaman yang kami temui sepanjang tempoh pengauditan.

Perkara Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk Ketua Audit Negara sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 di Malaysia. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Deloitte PLT

DELOITTE PLT (LLP0010145-LCA)
Akauntan Bertauliah (AF 0080)



SITI HAJAR BINTI OSMAN
Rakan Kongsi/Firma – 03061/04/2023 J
Akauntan Bertauliah

21 April 2022



Pengakuan oleh Ahli Pihak Berkuasa

Kami, masing-masing, **Datuk Seri Hj. Mohd Salim Bin Mohd Sharif** dan **Datuk Abdullah Bin Zainal @ Deraman** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Pihak Berkuasa bagi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Pihak Berkuasa, penyata kewangan yang mengandungi penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai RISDA dan Kumpulan berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Tahun 1972 (Akta 85) bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan RISDA dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak ahli pihak berkuasa,

.....
DATUK SERI HJ. MOHD SALIM BIN MOHD SHARIF
Pengerusi Pihak Berkuasa

Bagi pihak ahli pihak berkuasa,

.....
DATUK ABDULLAH BIN ZAINAL @ DERAMAN
Ketua Pengarah/Ahli Pihak Berkuasa

16 FEB 2022

Tarikh:

Kuala Lumpur




Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan

Saya, Mohamad Hilmi bin Abdul Hamid no kad pengenalan 790409-13-5947, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai RISDA dan Kumpulan berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan adalah sebaik-baik di dalam pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 14 haribulan 2 2022)

MOHAMAD HILMI BIN ABDUL HAMID
Pengarah Kewangan Dan Belanjawan

Di hadapan saya:



PESURUHJAYA SUMPAH

ROOM 2, NO. 63A, 1ST FLOOR
JALAN PANDAN INDAH 4/3A,
PANDAN INDAH,
55100 KUALA LUMPUR



Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2020

		Kumpulan			RISDA		
		31.12.2020	31.12.2019	1.1.2019	31.12.2020	31.12.2019	1.1.2019
	Nota	RM	RM	RM	RM	RM	RM
		Dinyatakan semula			Dinyatakan semula		
Aset Bukan Semasa							
Hartanah, loji dan peralatan	5	902,594,529	855,095,272	850,048,221	837,116,092	787,772,724	780,264,312
Aset hak gunaan	6	13,238,891	15,657,591	-	6,391,674	8,858,542	-
Hartanah pelaburan	7	3,777,844	4,064,857	3,375,648	-	-	-
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	8	7,076,020	7,076,020	7,026,977	-	-	-
Pelaburan dalam subsidiari	9	-	-	-	90,367,410	91,760,409	93,930,479
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	4,954,514	8,321,767	10,485,351	7,759,792	11,652,999	12,652,999
Pelaburan lain	11	1,688,063	1,037,996	1,140,739	32,717,325	27,300,000	18,300,000
Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	12	-	-	-	35,734,219	42,896,379	48,955,096
Pinjaman kakitangan	13	183,096,125	195,586,656	176,678,383	161,799,665	174,256,491	158,864,189
Aset cukai tertunda	14	995,589	1,960,043	-	-	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,117,421,575	1,088,800,202	1,048,755,319	1,171,886,177	1,144,497,544	1,112,967,075
Aset semasa							
Aset biologi	15	54,941,661	60,184,899	61,845,322	10,395,228	8,279,271	19,053,040
Inventori	16	86,602,836	91,484,187	85,620,607	39,879,006	41,571,617	59,359,214
Belum terima dagangan	17	119,968,279	133,802,822	134,600,481	24,274,844	27,459,182	38,749,712
Belum terima lain dan deposit	18	144,190,203	214,149,293	261,991,167	80,306,130	156,590,698	167,897,136
Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	12	-	-	-	91,664,100	90,423,679	85,218,209
Pinjaman kakitangan	13	36,791,533	10,478,461	3,184,045	32,488,239	6,349,140	255,218
Pulangan cukai		9,219,131	7,148,500	6,054,552	-	-	-
Simpanan tetap	19	1,992,756,823	1,616,541,009	1,624,503,073	1,802,359,018	1,467,313,716	1,490,231,638
Wang di bank dan di tangan		78,946,716	58,580,862	49,589,757	38,188,946	28,145,031	23,957,622
		2,523,417,182	2,192,370,033	2,227,389,004	2,119,555,511	1,826,132,334	1,884,721,789
Aset bukan semasa dipegang untuk jualan	7	220,941	220,941	-	-	-	-
Jumlah Aset semasa		2,523,638,123	2,192,590,974	2,227,389,004	2,119,555,511	1,826,132,334	1,884,721,789
Jumlah Aset		3,641,059,698	3,281,391,176	3,276,144,323	3,291,441,688	2,970,629,878	2,997,688,864

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2020 (sambungan)

		Kumpulan			RISDA		
		31.12.2020	31.12.2019	1.1.2019	31.12.2020	31.12.2019	1.1.2019
Nota		RM	RM	RM	RM	RM	RM
				Dinyatakan semula	Dinyatakan semula		
Ekuiti							
Kumpulan Wang RISDA/ Keuntungan Terkumpul	26	2,275,634,502	2,148,635,935	2,126,679,106	2,257,659,518	2,136,069,015	2,148,431,606
Tabung Amanah Pembangunan Modal Insan	27	2,589,014	2,479,106	2,522,390	2,589,014	2,479,106	2,522,390
Tabung Wang Pusingan	28	225,773,650	225,773,650	225,773,650	225,773,650	225,773,650	225,773,650
Tabung Tanam Semula Estet RISDA	29	62,441,109	48,640,614	45,727,039	62,441,109	48,640,614	45,727,039
Rizab Modal (Terbitan Bonus)	30	5,000,000	5,000,000	5,000,000	-	-	-
Rizab Nilai Saksama	30	732,017	81,950	179,693	-	-	-
Kepentingan Bukan Kawalan	9	6,711,070	6,267,311	4,896,873	-	-	-
Jumlah Ekuiti		2,578,881,362	2,436,878,566	2,410,778,751	2,548,463,291	2,412,962,385	2,422,454,685
Liabiliti Bukan Semasa							
Liabiliti pajakan	23	7,990,279	11,261,311	-	2,732,276	6,104,088	-
Pemiutang sewa beli	23	3,768,235	5,974,746	6,197,641	-	-	-
Ganjaran persaraan kakitangan	25	276,826,864	260,710,100	245,663,648	276,826,864	260,710,100	245,663,648
Liabiliti cukai tertunda	14	1,900,437	2,003,685	1,734,330	-	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		290,485,815	279,949,842	253,595,619	279,559,140	266,814,188	245,663,648
Liabiliti Semasa							
Geran kerajaan tertunda	31	62,186,814	134,793,246	90,687,000	62,186,814	134,793,246	90,687,000
Overdrafbank	20	39,276,322	38,964,136	39,616,406	-	-	-
Belum bayar dagangan	21	75,055,995	67,663,039	64,058,522	8,202,261	5,681,869	7,013,871
Belum bayar lain	22	289,761,990	195,907,334	208,434,803	101,432,978	52,670,139	62,529,446
Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari	12	-	-	-	28,610,805	16,789,210	11,317,317
Amaun terhutang kepada pengarah	12	15,000	16,411	-	-	-	-
Amaun terhutang kepada pemegang saham korporat	12	811,975	4,977,600	-	-	-	-
Liabiliti pajakan	23	3,018,849	4,657,261	-	4,363,885	2,850,704	-
Pemiutang sewa beli	23	2,165,740	3,115,369	2,756,114	-	-	-
Pinjaman berjangka	24	39,697,640	35,182,696	46,423,854	-	-	-
Ganjaran persaraan kakitangan	25	8,287,365	8,127,776	7,377,538	8,287,365	8,127,776	7,377,538
Wang Amanah KPLB	32	237,482,644	69,940,361	150,645,359	237,482,644	69,940,361	150,645,359
Peruntukan cukai		13,419,820	1,037,539	1,590,357	12,852,505	-	-
Zakat perniagaan		512,367	180,000	180,000	-	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		771,692,521	564,562,768	611,769,953	463,419,257	290,853,305	329,570,531
Jumlah Liabiliti		1,062,178,336	844,512,610	865,365,572	742,978,397	557,667,493	575,234,179
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti		3,641,059,698	3,281,391,176	3,276,144,323	3,291,441,688	2,970,629,878	2,997,688,864

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	Nota	Kumpulan		RISDA	
		2020	2019	2020	2019
		RM	RM	RM	RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Pendapatan	33	1,713,805,655	1,428,420,305	1,387,453,085	1,139,366,620
Pendapatan operasi lain	34	180,234,613	148,633,257	148,196,292	83,589,898
Perubahan dalam inventori					
benih-benih tanaman/ternakan		(18,553,616)	28,857,452	(8,340,425)	(17,787,597)
Bahan mentah dan barang guna					
yang digunakan		(143,398,865)	(85,157,667)	(136,510,182)	(100,179,924)
Pembelian barangan perniagaan		(415,145,454)	(378,541,062)	-	-
Yuran dan imbuhan pengarah	35	(2,531,625)	(2,316,899)	(645,631)	(481,565)
Kos kakitangan	36	(319,079,056)	(321,126,702)	(241,477,885)	(240,263,797)
Susutnilai	37	(72,346,295)	(65,561,807)	(63,368,645)	(56,143,233)
Keuntungan/(Kerugian) nilai saksama aset biologi	37	3,322,538	(7,882,848)	1,943,060	(11,288,598)
Perbelanjaan operasi lain	37	(746,134,312)	(695,630,527)	(923,841,919)	(792,746,385)
Lebih daripada operasi		180,173,583	49,693,502	163,407,750	4,065,419
Kos kewangan	38	(5,877,044)	(7,002,504)	(803,515)	(252,039)
Bahagian keuntungan/(kerugian)					
syarikat bersekutu	10	525,954	(1,163,584)	-	-
Lebih sebelum pengagihan					
keuntungan RTBB		174,822,493	41,527,414	162,604,235	3,813,380
Agihan keuntungan RTBB	40	(7,884,329)	(9,470,597)	(7,884,329)	(9,470,597)
Lebih/(Defisit) sebelum cukai		166,938,164	32,056,817	154,719,906	(5,657,217)
Cukai	39	(20,350,899)	(3,110,045)	(14,892,505)	(2,040,000)
Zakat perniagaan		(5,234,536)	(2,749,214)	(4,326,495)	(1,795,083)
Lebih/(Defisit) tahun semasa		141,352,729	26,197,558	135,500,906	(9,492,300)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (sambungan)

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai:-				
<i>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi</i>				
Perubahan nilai saksama aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain	650,067	(97,743)	-	-
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain tahun semasa	650,067	(97,743)	-	-
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif tahun semasa	142,002,796	26,099,815	135,500,906	(9,492,300)
Lebihan/(Defisit) tahun semasa diagihkan kepada:				
Pemegang ekuiti	140,908,970	24,827,120	135,500,906	(9,492,300)
Kepentingan tak kawal	443,759	1,370,438	-	-
	141,352,729	26,197,558	135,500,906	(9,492,300)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif diagihkan kepada:				
Pemegang ekuiti	141,559,037	24,729,377	135,500,906	(9,492,300)
Kepentingan tak kawal	443,759	1,370,438	-	-
	142,002,796	26,099,815	135,500,906	(9,492,300)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

Kumpulan

	Keuntungan terkumpul	Tabung amanah	Tabung wang pusing	Tabung Tanam Semula	Rizab modal	Rizab nilai saksama	Jumlah	Kepentingan tak kawal	Jumlah ekuiti
Nota	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2019, <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>	2,067,951,877	2,522,390	225,773,650	45,727,039	5,000,000	275,373	2,347,250,329	4,896,873	2,352,147,202
Pelarasan tahun lepas	58,727,229	-	-	-	-	(95,680)	58,631,549	-	58,631,549
Pada 1 Januari 2019, <i>seperti dinyatakan semula</i>	2,126,679,106	2,522,390	225,773,650	45,727,039	5,000,000	179,693	2,405,881,878	4,896,873	2,410,778,751
Pengurangan nilai saksama aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>	-	-	-	-	-	(98,837)	(98,837)	-	(98,837)
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	1,094	1,094	-	1,094
Pengurangan nilai saksama aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain <i>seperti dinyatakan semula</i>	-	-	-	-	-	(97,743)	(97,743)	-	(97,743)
Kerugian komprehensif	-	-	-	-	-	(97,743)	(97,743)	-	(97,743)
Lebihan/(Defisit) tahun semasa, <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>	(26,345,791)	-	-	-	-	-	(26,345,791)	1,370,438	(24,975,353)
Pelarasan tahun lepas	51,172,911	-	-	-	-	-	51,172,911	-	51,172,911
Lebihan/(Defisit) tahun semasa, <i>seperti dinyatakan semula</i>	24,827,120	-	-	-	-	-	24,827,120	1,370,438	26,197,558
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	24,827,120	-	-	-	-	(97,743)	24,729,377	1,370,438	26,099,815
Pindahan rizab	(2,870,291)	(43,284)	-	2,913,575	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	2,148,635,935	2,479,106	225,773,650	48,640,614	5,000,000	81,950	2,430,611,255	6,267,311	2,436,878,566

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (sambungan)

Kumpulan

	Nota	Keuntungan terkumpul	Pembangunan Modal Insan	Tabung amanah	Tabung wang pusingan	Tabung Tanam Semula	Rizab modal	Rizab nilai saksama	Jumlah	Kepentingan tak kawal	Jumlah ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2020, <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>											
Pelarasan tahun lepas	46	2,038,735,795 109,900,140	2,479,106	-	225,773,650	48,640,614	5,000,000	176,536 (94,586)	2,320,805,701 109,805,554	6,267,311	2,327,073,012 109,805,554
Pada 1 Januari 2020, <i>seperti dinyatakan semula</i>											
Penambahan nilai saksama aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		2,148,635,935	2,479,106	-	225,773,650	48,640,614	5,000,000	81,950	2,430,611,255	6,267,311	2,436,878,566
Keuntungan komprehensif lain tahun semasa		-	-	-	-	-	-	650,067	650,067	-	650,067
Lebihan tahun semasa		140,908,970	-	-	-	-	-	650,067	650,067	-	650,067
Jumlah keuntungan komprehensif tahun semasa		140,908,970	-	-	-	-	-	650,067	140,908,970	443,759	141,352,729
Pindahan rizab		(13,910,403)	109,908	-	-	13,800,495	-	650,067	141,559,037	443,759	142,002,796
Baki pada 31 Disember 2020		2,275,634,502	2,589,014	225,773,650	62,441,109	5,000,000	732,017	2,572,170,292	6,711,070	2,578,881,362	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (sambungan)

RISDA

	Nota	Keuntungan terkumpul RM	Tabung amanah Pembangunan Modal Insan RM	Tabung wang pusing RM	Tabung Tanam Semula Estet RISDA RM	Jumlah ekuiti RM
Pada 1 Januari 2019, <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>						
Pelantaran tahun lepas	46	2,017,338,529 131,093,077	2,522,390 -	225,773,650 -	45,727,039 -	2,291,361,608 131,093,077
Pada 1 Januari 2019, <i>seperti dinyatakan semula</i>						
Defisit tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa		2,148,431,606	2,522,390	225,773,650	45,727,039	2,422,454,685
<i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>		(8,761,535)	-	-	-	(8,761,535)
Pelantaran tahun lepas	46	(730,765)	-	-	-	(730,765)
Defisit tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa		(9,492,300)	-	-	-	(9,492,300)
<i>seperti dinyatakan semula</i>		(2,870,291)	(43,284)	-	2,913,575	-
Pindahan rizab						
Baki pada 31 Disember 2019		2,136,069,015	2,479,106	225,773,650	48,640,614	2,412,962,385
Pada 1 Januari 2020, <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>						
Pelantaran tahun lepas	46	2,005,706,703 130,362,312	2,479,106 -	225,773,650 -	48,640,614 -	2,282,600,073 130,362,312
Pada 1 Januari 2020, <i>seperti dinyatakan semula</i>						
Lebihkan tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa		2,136,069,015	2,479,106	225,773,650	48,640,614	2,412,962,385
<i>Lebihkan tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa</i>		135,500,906	-	-	-	135,500,906
Pindahan rizab		(13,910,403)	109,908	-	13,800,495	-
Baki pada 31 Disember 2020		2,257,659,518	2,589,014	225,773,650	62,441,109	2,548,463,291

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	Kumpulan		RISDA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Aliran tunai daripada aktiviti operasi				
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai	166,938,164	32,056,817	154,719,906	(5,657,217)
Pelarasan untuk :-				
Pendapatan dividen	(4,380,923)	(7,943,512)	(179,703)	(5,093,636)
Pendapatan faedah	(56,693,439)	(60,781,855)	(52,754,890)	(56,902,381)
(Keuntungan)/kerugian pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(55,130,126)	407,768	(55,063,193)	530,046
Kerugian pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	-	49,431	-
Pembalikan atas rosot nilai aset-aset kewangan	(17,741,949)	(33,644,289)	(410,428)	(346,091)
Keuntungan serahan hak penggunaan aset	(35,415)	-	-	-
Peruntukan ganjaran persaraan	22,948,117	23,174,228	22,948,117	23,174,228
Susutnilai	72,346,295	65,561,807	63,368,645	56,143,233
(Keuntungan)/Kerugian nilai saksama aset biologi	(3,322,538)	7,882,848	(1,943,060)	11,288,598
Inventori dihapusira	108,724	127,779	108,724	127,779
Hartanah, loji dan peralatan dihapusira	359,370	1,710,890	112,837	1,674,779
Rosot nilai atas:				
- Pelaburan dalam subsidiari	-	-	1,343,568	2,170,070
- Pelaburan dalam syarikat bersekutu	8,893,207	1,000,000	8,893,207	1,000,000
- Belum terima dagangan	7,206,206	3,336,250	5,305,099	2,099,761
- Belum terima lain dan deposit	964,311	-	1,270,397	-
- Belum terima lain bagi Akaun Projek Ladang Agensi	-	9,392,362	-	-
- Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	-	-	4,969,619	-
Perbelanjaan faedah	5,877,044	7,002,504	803,515	252,039
Bahagian (keuntungan)/kerugian syarikat bersekutu	(525,954)	1,163,584	-	-
Perubahan nilai saksama projek TSK	(3,470,660)	(14,765,415)	-	-
Agihan keuntungan RTBB	7,884,329	9,470,597	7,884,329	9,470,597
	152,224,763	45,152,363	161,426,120	39,931,805
Perubahan modal kerja :-				
Aset biologi	8,565,776	(6,222,425)	(172,897)	(514,829)
Inventori	4,772,627	(5,991,359)	1,583,887	17,659,818
Belum terima dagangan	14,030,836	23,086,739	(1,710,333)	9,215,516
Belum terima lain dan deposit	82,804,889	60,915,272	75,014,171	11,309,168
Jumlah terhutang oleh/kepada syarikat subsidiari	-	-	12,773,715	6,325,140
Belum bayar dagangan	7,392,956	3,604,517	2,520,392	(1,332,002)
Belum bayar lain	89,687,620	(7,533,458)	48,762,839	(10,996,901)
Wang Amanah KPLB	167,542,283	(80,704,998)	167,542,283	(80,704,998)
Geran kerajaan tertunda	(72,606,432)	44,106,246	(72,606,432)	44,106,246
Tunai dijana daripada aktiviti operasi	454,415,318	76,412,897	395,133,745	34,998,963

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (sambungan)

	Kumpulan		RISDA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Pinjaman kakitangan diberi	(27,479,220)	(42,169,304)	(23,592,792)	(32,080,958)
Bayaran semula pinjaman kakitangan	13,656,679	16,285,229	9,910,519	10,913,348
Bayaran ganjaran persaraan	(6,671,764)	(7,377,538)	(6,671,764)	(7,377,538)
Bayaran cukai dalam tahun semasa	(9,178,043)	(11,984,028)	(2,040,000)	(2,040,000)
Pulangan cukai tahun semasa	-	5,536,529	-	-
Zakat perniagaan	(4,902,169)	(2,749,214)	(4,326,495)	-
Dividen diterima	4,380,923	7,943,512	179,703	5,093,636
Agihan keuntungan RTBB	(7,884,329)	(9,470,597)	(7,884,329)	(9,470,597)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	416,337,395	32,427,486	360,708,587	36,854
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan				
Hartanah, loji dan peralatan:				
- Pembelian*	(64,511,542)	(66,053,802)	(59,512,220)	(63,826,232)
- Terimaan pelupusan	5,253,841	139,035	5,260,189	410,379
Hartanah pelaburan:				
- Pembelian	-	(26,608)	-	-
Tanah dipegang untuk pembangunan :				
- Pembelian	-	(49,043)	-	-
Tambahan pelaburan syarikat bersekutu	(5,000,000)	-	(5,000,000)	-
Pelaburan lain:				
- Tambahan	-	-	(7,000,000)	(9,000,000)
- Jualan	-	5,000	1,582,675	-
Faedah diterima	56,693,439	60,781,855	52,754,890	56,902,381
Pertambahan deposit tetap	(330,249,067)	(261,358,004)	(342,110,934)	(182,424,352)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(337,813,329)	(266,561,567)	(354,025,400)	(197,937,824)
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan				
Bayaran sewa beli	(3,156,140)	(3,206,020)	-	-
Bayaran liabiliti pajakan	(7,985,411)	(4,092,930)	(2,901,389)	(3,001,856)
Pinjaman diterima	4,514,944	425,176	-	-
Bayaran pinjaman	-	(11,666,334)	-	-
Faedah dibayar	(5,877,044)	(7,002,504)	(803,515)	(252,039)
Peningkatan dalam simpanan tetap dicagarkan	(39,031)	-	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(12,542,682)	(25,542,612)	(3,704,904)	(3,253,895)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (sambungan)

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Peningkatan/(Pengurangan)				
bersih tunai dan setara tunai	65,981,384	(259,676,693)	2,978,283	(201,154,865)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	644,581,211	904,257,904	610,027,859	811,182,724
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	710,562,595	644,581,211	613,006,142	610,027,859
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:				
Simpanan tetap tidak dicagarkan 19	670,892,201	624,964,485	574,817,196	581,882,828
Tunai dan baki di bank	78,946,716	58,580,862	38,188,946	28,145,031
Overdraft bank 20	(39,276,322)	(38,964,136)	-	-
	710,562,595	644,581,211	613,006,142	610,027,859
	710,562,595	644,581,211	613,006,142	610,027,859

Penyesuaian pergerakan liabiliti ke aliran tunai yang timbul daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut:

	Baki pada awal tahun RM	Perubahan bersih aliran tunai pembiayaan RM	Tambahan pajakan dan sewa beli tahun semasa RM	Lain-lain pergerakan bukan tunai RM	Baki pada akhir tahun RM
2020					
Kumpulan					
Liabiliti pajakan	15,918,572	(7,985,411)	6,169,417	(3,093,450)	11,009,128
Pemiutang sewa beli	9,090,115	(3,156,140)	-	-	5,933,975
Pinjaman berjangka	35,182,696	4,514,944	-	-	39,697,640
	60,191,383	(6,626,607)	6,169,417	(3,093,450)	56,640,743
RISDA					
Liabiliti pajakan	8,954,792	(2,901,389)	3,590,180	(2,547,422)	7,096,161
	8,954,792	(2,901,389)	3,590,180	(2,547,422)	7,096,161
2019					
Kumpulan					
Liabiliti pajakan	-	(4,092,930)	14,342,093	5,669,409	15,918,572
Pemiutang sewa beli	8,953,755	(3,206,020)	3,342,380	-	9,090,115
Pinjaman berjangka	46,423,854	(11,241,158)	-	-	35,182,696
	55,377,609	(18,540,108)	17,684,473	5,669,409	60,191,383
RISDA					
Liabiliti pajakan	-	(3,001,856)	11,956,648	-	8,954,792
	-	(3,001,856)	11,956,648	-	8,954,792



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (sambungan)

* Pembelian hartanah, loji dan peralatan

Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan dan RISDA telah memperoleh hartanah, loji dan peralatan bernilai RM118,700,390 (2019:RM69,396,182) dan RM113,701,068 (2019:RM63,826,232) masing-masing yang dibiayai secara berikut :

	Kumpulan		RISDA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
	Dinyatakan semula			
Bayaran tunai	64,511,542	66,053,802	59,512,220	63,826,232
Pemiutang sewa beli	-	3,342,380	-	-
Penerimaan hartanah, loji dan peralatan melalui proses <i>land swap</i> (Nota 5)	54,188,848	-	54,188,848	-
	118,700,390	69,396,182	113,701,068	63,826,232



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020

1. KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan-kegiatan utama RISDA ialah mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952, mengurus dan mengendali rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian III, Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 dan merancang dan melaksana segala inovasi bagi sektor pekebun-pekebun kecil. Akta 85 RISDA telah mengambil alih peruntukan ordinan di atas yang telah dimansuhkan pada 1 November 2016.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 9. Tiada perubahan yang ketara ke atas kegiatan utama Kumpulan dan RISDA sepanjang tahun kewangan semasa.

Penyata Kewangan RISDA bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa pada 15 Februari 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan RISDA telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*MFRSs – Malaysian Financial Reporting Standards*), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*IFRSs – International Financial Reporting Standards*) dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

2.2 Perubahan polisi perakaunan

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan RISDA menerima pakai piawaian perakaunan dan pindaan kepada MFRS dan interpretasi Jawatankuasa Interpretasi yang dikeluarkan ("Interpretasi IC") yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020 seperti berikut:-

Pindaan kepada Konsep Rujukan Rangka Kerja dalam Piawaian MFRS

Pindaan kepada:

MFRS 3

Definisi Perniagaan

MFRS 101 dan MFRS 108

Definisi Material

MFRS 9, MFRS 139 dan MFRS 7

Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah

Pindaan yang telah diterbitkan tersebut tidak mempunyai kesan kewangan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan RISDA.

2.3 Pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan tetapi belum efektif

Berikut adalah pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum lagi efektif dan belum diterima pakai oleh Kumpulan dan RISDA.

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Jun 2020

- Pindaan kepada MFRS 16 Pajakan, *Covid-19 Berkaitan Sewa Konsesi*

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 dan MFRS 16, *Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah – Fasa 2*

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2021

- Pindaan kepada MFRS 16 Pajakan, *Covid-19 Berkaitan Sewa Konsesi selepas 30 Jun 2021*



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020 (sambungan)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan tetapi belum efektif (sambungan)

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

- Pindaan kepada MFRS 3, *Rujukan Rangka Konseptual*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan - Hasil Sebelum Penggunaan Asal*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Kontrak Membebaskan - Kos Memenuhi Kontrak*
- Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRSs 2018 - 2020

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- Pindaan kepada MFRS 101, *Pengkelasan Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pendedahan Polisi Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 108, *Definisi Anggaran Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 112 Cukai Pendapatan, *Aset dan Liabiliti Cukai Tertunda yang Terhasil daripada Satu Transaksi*

Tarikh kuatkuasa telah dipinda kepada tarikh yang belum ditetapkan oleh MASB

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, *Jualan dan Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Kumpulan dan RISDA akan menerima pakai pindaan kepada piawaian perakaunan di atas, yang mana berkenaan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan RISDA, apabila menjadi efektif. Pemakaian awal pindaan piawaian perakaunan dan tafsiran dijangka tidak memberi kesan secara ketara kepada tempoh semasa dan penyata kewangan terdahulu.

2.4 Asas Penaksiran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.5 Mata wang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang fungsian untuk RISDA.

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada perkara signifikan melibatkan ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai polisi perakaunan yang mempunyai kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf di penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan seperti berikut:-



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020 (sambungan)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian (sambungan)

a. Pajakan – Kadar pinjaman bertokok

Kumpulan dan RISDA menggunakan andaian dan taksiran bagi menentukan kadar pinjaman bertokok untuk pajakan. Sebagai permulaan, kadar pinjaman yang paling hampir akan dipakai sebelum menggunakan taksiran bagi menentukan pelarasan yang perlu untuk mengambil kira terma, cagaran, nilai atau persekitaran ekonomi pajakan berkenaan.

b. Cukai tertunda dan cukai pendapatan

Kumpulan adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

c. Ganjaran persaraan

Kumpulan dan RISDA menyediakan Ganjaran Cuti Rehat dan Manfaat Perubatan Pasca Perkhidmatan kepada kakitangan tertentu. Nilai semasa obligasi manfaat kakitangan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan berdasarkan kaedah asas aktuari menggunakan andaian tertentu. Andaian utama yang digunakan dalam menentukan kos manfaat kakitangan adalah kadar diskaun, kadar inflasi kos perubatan dan kadar kenaikan gaji. Sebarang perubahan ke atas andaian ini akan memberi kesan kepada amaun bawaan manfaat kakitangan seperti yang didedahkan di Nota 25.

d. Rosot nilai belum terima dagangan

Semakan dibuat ke atas pinjaman dan belum terima dagangan secara individu dan kolektif pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke untung atau rugi. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah risiko kemungkiran dan jangkaan kadar kerugian. Kumpulan dan RISDA menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian dan pemilihan input untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan sejarah terdahulu, keadaan pasaran semasa dan juga anggaran berpandangan ke hadapan.

e. Aset biologi

Ternakan dan tanaman anak benih

Nilai saksama ternakan dan tanaman anak benih telah ditentukan berdasarkan harga pasaran bagi penjualan ternakan dan tanaman anak benih. Di bawah kaedah ini, anggaran penerimaan daripada penjualan telah dianggarkan berdasarkan umur, kebarangkalian hidup, jenis, baka dan berat apabila mencapai umur matang.

Berdasarkan anggaran tersebut, anggaran harga pasaran dibuat untuk mendapatkan jumlah pendapatan yang akan dijanakan. Nilai bersih dikira berdasarkan hasil pendapatan setelah ditolak kos penjagaan haiwan ternakan dan tanaman anak benih sehingga umur matang serta anggaran kos jualan.

Hasil sedang membesar di tumbuhan penghasil

Nilai saksama buah tandan segar yang belum matang dikira menurut kaedah pasaran yang mengambil kira harga pasaran buah tandan segar dituai yang diselaraskan kepada kadar pengekstrakan minyak dan biji sawit berdasarkan ujian makmal, dan ditolak kos penuaian, kos pengangkutan dan kos jualan yang lain.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2020 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan RISDA dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tempoh pelaporan yang sama dengan RISDA serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dan perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasikan yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

